

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]

**TARIKH :** 9.10.2014

**SOALAN :**

Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berikut RM50 juta telah diperuntukkan khas untuk penambahbaikan dan penyelenggaraan SJKT dalam Bajet 2014. Berapakah sekolah yang terlibat dan Kementerian adalah diminta mengeluarkan senarai nama sekolah, peruntukan bagi setiap sekolah, skop kerja dan status terkini kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Jawatankuasa Pelan Tindakan Masa Depan Sekolah-sekolah Tamil, Jabatan Perdana Menteri (JPM) sedang merancang dan meneliti senarai Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang akan menerima agihan peruntukan tersebut.